

**DERAF UCAPAN YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH SEKOLAH**  
**HIJAU MPSP 2013**  
**16 MAC 2013 ( SABTU ), JAM 3.00 PETANG**  
**AEON JUSCO SEBERANG PERAI**

---

**Yang Dihormati En. Soon Lip Chee**

Ahli Majlis MPSP

Merangkap Pengerusi Pasukan Kerja Mesra Alam LA21, MPSP

**Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Mohamud**

Tuan Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Encik Yiew Siew San**

Ketua Pegawai Eksekutif, Continental Automotive Components Malaysia Sdn bhd

**Yang diraikan anak-anak kita, pelajar-pelajar yang mengambil bahagian dalam Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau MPSP 2013**

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian

.....

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Petang dan Salam Sejahtera

Pertama sekali bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana memberi kita semua kesihatan dan juga kekuatan untuk sama – sama menghadiri Majllis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau MPSP 2013 pada hari ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Program Anugerah ini telah diadakan bersama-sama Continental Automotive Components Malaysia Sdn. Bhd untuk tahun keempat berturut-turut. Pada tahun 2010, ia hanya disertai oleh 30 buah sekolah sahaja dan pada tahun 2011, sebanyak 36 buah sekolah menyertai program ini. Untuk tahun 2012, angka tersebut telah meningkat kepada 53 buah sekolah dimana ia merangkumi 33 buah sekolah rendah dan 20 buah sekolah menengah. Peningkatan ini menunjukkan semakin banyak sekolah yang mulai peka dan mengambil tindakan proaktif untuk memelihara dan memulihara alam sekitar kita. Untuk makluman hadirin semua, bagi tahun ini iaitu tahun 2013, sebanyak 78 sekolah akan menyertai Anugerah Sekolah Hijau. Dengan penyertaan daripada 78 buah sekolah ini, saya percaya tahap kebersihan di Seberang Perai akan bertambah baik kerana

para pelajar bukan sahaja akan mempraktikkan kriteria-kriteria amalan hijau di sekolah tetapi juga dalam kehidupan seharian mereka.

Penilaian Anugerah Sekolah Hijau merangkumi 10 kriteria iaitu: Amalan 3R, penggunaan sisa makan, penggunaan minyak masak terpakai, bahan pembersih, pengurangan beg plastik, tanam pokok, penjimatan tenaga, penjimatan air, kebersihan kawasan sekolah dan akitiviti lain yang kreatif dan berinovasi.

Hasil daripada program Anugerah Sekolah Hijau ini, MPSP telah melancarkan Program Sisa Sifar. Program ini dilancarkan untuk tujuan mendidik para pelajar menguruskan sampah yang dijanakan dan barang-barang yang tidak digunakan lagi dikitar semula untuk mencapai sisa sifar. Program ini bukan sahaja boleh dipraktikkan oleh para pelajar sahaja tetapi pengusaha kantin sekolah juga boleh memproses sisa-sisa makanan untuk dijadikan baja dengan bantuan para pelajar. Ini bukan sahaja membantu sekolah menjimatkan kos dari segi penggunaan baja tetapi juga membantu MPSP untuk menjimatkan kos pengurusan sisa pepejal.

Program Sisa Sifar ini adalah terbuka kepada semua sekolah yang menyertai Program Anugerah Sekolah Hijau. Untuk tahun 2012, hanya 6 buah sekolah yang mengambil bahagian. Tetapi saya percaya sekolah-

sekolah yang mengambil bahagian akan meningkat pada tahun ini. Program sisa sifar di sekolah juga memerlukan komitmen tinggi daripada semua pihak agar ia berjaya melahirkan generasi yang prihatin terhadap usaha pemuliharaan alam sekitar

Dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran pemuliharaan alam sekitar, MPSP juga mengambil pendekatan mengadakan program-program hijau seperti program pengurusan sisa kompos dengan komuniti. Jika kita tidak menjayakan program kitar semula dan program-program pengurusan sisa dapur, penjanaan sisa pepejal akan terus meningkat apabila Seberang Perai terus berkembang maju selaras dengan pertumbuhan ekonomi dan pertambahan penduduk.

Beban kewangan MPSP juga akan meningkat apabila ia perlu mencari kaedah terbaik untuk melupuskan sisa pepejal yang semakin meningkat dan keperluan untuk mematuhi syarat penjagaan alam sekitar yang semakin ketat.

Bagi tahun ini juga, pihak MPSP telah mengadakan anugerah tambahan iaitu anugerah khas bagi amalan sisa sifar, kebersihan dan penghijauan, inovasi dan kreativiti, dan penglibatan komuniti.

Disamping itu, pihak Shence International telah bersetuju mengambil bahagian dengan membekal tong untuk mengumpul sisa organik kantin dan syarikat tersebut akan mengutip sisa tersebut setiap minggu dengan syarat minyak masak terpakai perlu dikutip dan jual kepadanya. Program ini juga mendapat sambutan daripada syarikat swasta lain iaitu pihak Guppy Plastik Industry Bukit Tengah yang akan turut serta dengan membekal pasu bunga untuk pengindahan sekolah. Pihak Perbadanan Bekalan Air (PBA) juga akan memberi anugerah kepada sekolah berasrama yang berjaya menjimatkan penggunaan air.

Dengan adanya Anugerah Sekolah Hijau dan Program Sisa Sifar yang seumpama ini maka diharapkan MPSP akan dapat meningkatkan lagi interaksi dan kesedaran dikalangan pelajar-pelajar sekolah mengenai kepentingan menjaga alam sekitar serta meningkatkan penggunaan semula bahan buangan, melaksanakan aktiviti kitar semula dan seterusnya mengurangkan sampah ke tapak pelupusan.

Harapan MPSP dan Continental Automotive adalah untuk melihat lebih banyak lagi sekolah-sekolah lain diberi peluang untuk digelar "Sekolah Hijau" dalam usaha menggalakkan lebih ramai lagi pelajar menghayati dan menghargai alam sekitar.

Sebelum mengakhiri ucapan saya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua sekolah yang mengambil bahagian dan kepada para hadirin kerana meluangkan masa dan tenaga dalam Majlis Pelancaran ini.

Ucapan terima kasih kepada penaja Program Anugerah Sekolah Hijau, Continental Automative Components Malaysia Sdn. Bhd. kerana sanggup bekerjasama dengan MPSP dalam program ini.

Saya dengan ini merasmikan Program Anugerah Sekolah Hijau MPSP 2013 dan Saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.